

24/10/2003

Duta AS anggap kenyataan badan pendesak keterlaluan

MELAKA: Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Marie T Huhtala menyifatkan tindakan badan pendesak kepentingan Yahudi menggesa pelancong dan pelabur

memulaukan Malaysia berikutan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), minggu lalu, sebagai keterlaluan.

Katanya, beliau terperanjat apabila membaca bahawa Pusat Simon Wiesenthal menggesa pelancong dan pelabur Amerika memulaukan Malaysia.

Sambil menyifatkan tindakan badan itu terlalu ekstrim, beliau berkata:

"Saya fikir ini adalah tindakan keterlaluan yang dilakukan oleh badan ini, tetapi ia adalah sebagai reaksi mereka terhadap komen Perdana Menteri anda.

"Mungkin sukar bagi rakyat Malaysia memahami kesan mengenai komen itu kerana ia kini diperbesarkan oleh media Amerika.

"Agak malang perkara ini telah berlaku dan saya berharap hubungan baik Malaysia dan Amerika tidak terjejas berikutan isu ini," katanya di sini, semalam.

Sebelum itu, Huhtala menyerahkan sumbangan bernilai RM57,000 (US\$20,000) kepada Badan Warisan Malaysia berikutan kerja pemuliharaan kedai sejarah yang kini ditukar sebagai Pusat Warisan.

Akhbar kelmarin melaporkan sebuah badan pelobi kepentingan Yahudi yang berpengaruh di Amerika Syarikat, menyifatkan Dr Mahathir sebagai orang yang sentiasa bersikap anti-Semitik serta menggesa pelancong dan pelabur memulaukan Malaysia.